

# Kerosakan otak jejas kawalan pergerakan

>>Oleh HIDAYATUL AKMAL AHMAD  
hidayatulakmal@hmetro.com.my


**K**EMATIAN adik Annisa Mohd Affandi, Disember tahun lalu, akibat lumpuh otak atau Cerebral Palsy (CP) benar-benar membuka mata masyarakat mengenai impak penyakit itu.

Paling menyedihkan, Annisa pergi ketika ibu bapanya bekerja keras mengumpul dana bagi mengubati penyakit misteri itu.

Biarpun tidak sempat dirawat, wang diterima digunakan dengan sebaik-baiknya iaitu untuk perbelanjaan rawatan adiknya, An-nur yang turut menghidap penyakit sama, di Hospital Er kang, Beijing, China.

Kisah dua beradik itu benar-benar membuka mata masyarakat mengenai kesan CP dan bahaya penyakit berkenaan.

CP bermaksud kehilangan atau kekurangan kawalan motor iaitu tidak berupaya



**TERAPI AWAL...** seorang pakar fisio membantu kanak-kanak penghidap cerebral palsy menggerakkan otot badan.

Metro 22/7/12  
MS 2.

mengawal keajegan sebelum dan selepas kelahiran.

Kamus perubatan pula mendefinisikan CP sebagai kerosakan kawalan dan koordinasi motor yang disebabkan kerosakan otak.

Secara umumnya, Cerebral bermaksud berlaku sesuatu pada otak manakala Palsy bermaksud 'masalah atau kelemahan kawalan tubuh dalam melakukan pergerakan atau memposisikan badan'.

CP kali pertama diperkenalkan oleh William John Little (1843) yang menyebutnya dengan istilah Cerebral Diplegia, akibat pramatang.

Pakar Neurologi Pusat Perubatan Hospital Pantai, Dr Malinee Thambyayah, berkata CP adalah gangguan masalah neurologika kedua yang lazim dikesan di kalangan kanak-kanak. Kekejangan berlaku penyakit ini adalah tiga hingga lima setiap 1,000 kanak-kanak.

"Biasanya kanak-kanak yang menghidap penyakit ini mengalami keadaan pergerakan dan posisi badan abnormal. Ini disebabkan kerosakan pada otak yang boleh berlaku sebelum, sewaktu



**MAMPU BELAJAR...** seorang penghidap cerebral palsy berlatih menggunakan komputer skrin sesentuh dengan bantuan gurunya.

kelahiran atau dalam beberapa tahun pertama selepas dilahirkan.

"Ada kanak-kanak mengalami keadaan ini sejak dalam kandungan ibu lagi, manakala yang lain berlaku ketika kelahiran sukar hingga menyebabkan bayi kekurangan oksigen.

"CP juga boleh berlaku pada bayi pramatang yang menghadapi masalah pernafasan, menyebabkan pendarahan otak serta kekurangan oksigen.

"Punca lain ialah kecederaan teruk di kepala dan penyakit meningitis, menyebabkan kecacatan di bahagian otak yang mengawal pergerakan," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Sehingga kini, punca sebenar CP belum diketahui tetapi faktor umum bagi kanak-kanak berusia satu hingga tiga tahun adalah kerosakan otak, jangkitan dan hentakan trauma di kepala akibat jatuh atau penderaan.

Katanya, keadaan setiap penghidap CP di kalangan kanak-kanak berbeza antara satu sama lain, bergantung kepada bahagian dan tahap kerosakan otak itu.



## Ada bayi mengalami keadaan ini sejak dalam kandungan lagi manakala yang lain kerana bayi kekurangan oksigen ketika kelahiran sukar" Metro 21/7/12 MS 3.

>Dr Malinee Thamyayah  
Pakar Neurologi Pusat Perubatan Hospital Pantai

itu, pesakit perlu disuntik dengan suntikan berkala.

"Namun (ada juga) didapati kurang daripada 10 peratus kes memberikan maklum balas menggalakkan iaitu hanya memerlukan satu suntikan," (kategori ini dipanggil golden response) katanya.

### Tanda awal CP

- Lambat dalam perkembangan pergerakan seperti berguling, duduk dan merangkak

- Tidak boleh duduk tanpa bantuan

- Kedua-dua kaki bersilang (scissoring) apabila diangkat, berdiri atau berjalan

- Cenderung berjalan atas hujung jari kaki

- Berjalan dengan cara membengkokkan pangkal paha dan lutut (crouch gait)

- Mempunyai lengan dan kaki ketat, kaku serta terkelepai

- Kerap menggunakan sebelah tangan daripada satu lagi (hand preference) sebelum berusia 18 bulan

- Kesukaran mengginggam atau mencapai objek

### Rawatan

- Fisioterapi — pemulihan ini membabitkan senaman untuk meningkatkan kekuatan, regangan dan keseimbangan otot. Cara ini dapat membantu tumbesaran otot, melagakan otot kejang dan membolehkan pengawalan otot lebih baik

- Ubat-ubatan — ubat tertentu sangat berguna bagi mengurangkan kekejangan otot. Ia boleh diambil sama ada secara oral atau melalui suntikan

Selain daripada kesukaran pergerakan dan posisi badan yang tidak normal, sesetengah kanak-kanak turut mengalami masalah seperti pendengaran, penglihatan, sawan, pembelajaran atau kesukaran mengunyah makanan.

Meskipun belum ada penawar ditemui setakat ini, beberapa kaedah ditemui dan antara yang berjaya meningkatkan kualiti hidup pesakit CP ialah melalui botulinum toxin (BTA), atau lebih popular dengan panggilan botox. Ia adalah sejenis toksin yang dihasilkan sejenis bakteria dalam keadaan terkawal dalam makmal.

Menurut Malinee, kaedah perubatan suntikan botox sudah berkurun lamanya diperkenalkan, malah digunakan secara meluas di kalangan orang dewasa mahupun kanak-kanak bagi menangani beberapa masalah, terutama berkaitan neurologi yang menyebabkan gejala fizikal seperti lemah atau

lumpuh, kehilangan mengawal pergerakan otot, kekejangan dan ketegangan otot secara tiba-tiba.

"Kandungan suntikan botox yang digunakan untuk rawatan kanak-kanak CP adalah sama dengan kaedah rawatan kecantikan menggunakan botox bagi anti penuaan. Di negara seperti Australia dan Jerman, kaedah ini digunakan lebih 20 tahun lalu.

"Bagaimanapun, di Malaysia, suntikan botox terhadap kanak-kanak CP hanya bermula pada 1990-an tetapi diperkenalkan dalam program teratur pada awal 2000," katanya.

Ditanya mengenai kesan sampingan, beliau berkata, ia terlalu minimum dan bersifat sementara. Antaranya, lemah otot, letih, demam, selesema dan sakit kaki. Manakala jika terlebih dos, boleh menyebabkan lumpuh.

"Majoriti pesakit memerlukan sekurang-kurangnya dua suntikan setahun. Selain



**PEMULIHAN...** senaman berbantuan meningkatkan kekuatan, regangan dan keseimbangan otot.

● **Pembedahan** — pembedahan mungkin diperlukan apabila kanak-kanak mengalami pengecutan tertentu dan jika ada kecacatan tulang serta sendi. Ia lebih sesuai dilakukan selepas kanak-kanak mencapai kematangan berjalan. Contoh prosedur atau pembedahan yang biasa dilakukan ialah pemanjangan atau pelepasan tendon, pemindaan tendon, osteotomi dan neurektomi

● **Suntikan Botulinum** — antara rawatan mengurangkan ketegangan otot atau kekakuan otot adalah melalui suntikan Botulinum. Otot yang kejang dikenal pasti melalui pemeriksaan klinikal pakar saraf kanak-kanak. Kemudian ia disuntik ke dalam otot berkenaan. Kesan kelembutan otot akan dirasai satu hingga dua minggu selepas suntikan seterusnya mengikut program pemulihan intensif yang dirancang

#### **Jenis Cerebral Palsy**

- Spastik
- Diskinetik
- Ataksik
- Bentuk bercampur